



Ketua Setiausaha
(Secretary General)

Kementerian Pelajaran Malaysia
(Ministry of Education Malaysia)
Aras 8, Blok E8
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846069
Fax : 03-8885124
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP(BKEW)(PK)1587/6/A-4 Jld. 2()
Tarikh : 13 Julai 2011

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pelajaran Negeri
Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Semua Pengarah IPGM/Kolej Matrikulasi
Semua Pengetua/Guru Besar

Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2011 :
KADAR KELAYAKAN MAKAN DAN PENGINAPAN MURID/ATLET/ PELAJAR DI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM) YANG TERLIBAT DALAM
PELAKSANAAN AKTIVITI KURIKULUM, KOKURIKULUM DAN SUKAN DALAM
ATAU LUAR NEGARA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar makan dan penginapan murid/atlet/pelajar di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum, kokurikulum dan sukan sama ada dalam dan luar negara.

TAFSIRAN

2. Tafsiran bagi istilah-istilah berikut adalah terpakai dalam SPK ini :
 - (i) **Murid** - Semua murid di sekolah rendah dan sekolah menengah sehingga Tingkatan 5
 - (ii) **Atlet** - Murid/atlet dari Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan atlet yang menyertai kejohanan di bawah Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), ASEAN School Sports Council (ACCS), ASEAN School Sports Federation (ASSF), ASEAN School Football Federation (ASFF), Asian Schools Paragames, Asian Youth Paragames serta

(iii) **Pelajar**

- Pelajar Tingkatan 6 sekolah menengah, pelajar Kolej Matrikulasi dan pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG).

KADAR KELAYAKAN MAKAN DAN PENGINAPAN MURID / ATLET / PELAJAR DALAM NEGARA

3. Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan kadar makan dan penginapan murid/atlet/pelajar yang terlibat dalam aktiviti kurikulum, kokurikulum dan sukan di dalam negara **mengikut had umur** seperti berikut:-

3.1 Kadar Makan dan Penginapan :

| HAD UMUR | KADAR MAKAN (seorang sehari) (RM) | | KADAR PENGINAPAN HOTEL (sehari) (RM) |
|---|---|-----------------------------|---|
| | Semenanjung Malaysia | Sabah/Sarawak/ WP Labuan | |
| Kurang dari 13 tahun <i>Semua murid/atlet di semua institusi pendidikan KPM yang berumur 13 tahun dan ke bawah.</i> | 10.00 | 15.00 | 50.00 |
| 13 tahun dan ke atas <i>Semua murid/atlet/ pelajar di semua institusi pendidikan KPM yang berumur 13 tahun dan ke atas.</i> | 20.00 | 25.00 | 65.00 |

- 3.2 Kadar **penginapan tanpa hotel** bagi murid/atlet sukan/ pelajar institut ditetapkan tidak melebihi RM20.00 sehari.
- 3.3 Permohonan pakej makan dan penginapan atau salah satu daripadanya perlu dikemukakan ke Bahagian Kewangan untuk kelulusan jika aktiviti kurikulum, kokurikulum dan sukan diadakan di premis swasta.
- 3.4 Bagi program yang dilaksanakan di premis kerajaan dengan hanya menyediakan makanan sahaja tidak perlu memohon kelulusan Bahagian Kewangan.

KADAR KELAYAKAN MAKAN DAN PENGINAPAN LUAR NEGARA

4. Kadar kelayakan baru bagi makan dan penginapan murid/atlet/pelajar di luar negara adalah ditetapkan seperti berikut (rujuk **Lampiran A** bagi penetapan kategori negara) :-

| BIL. | KATEGORI NEGARA | MURID/ PELAJAR/ ATLET | |
|------|-----------------|-----------------------|------------|
| | | MAKAN | PENGINAPAN |
| 1. | I | 90 | 200 |
| 2. | II | 95 | 220 |
| 3. | III | 105 | 240 |
| 4. | IV | 115 | 260 |
| 5. | V | 125 | 280 |

5. Semua permohonan perjalanan ke luar negara perlu dikemukakan kepada Bahagian Kewangan (Cawangan Bajet) untuk mendapat kelulusan Pegawai Pengawal tidak kurang dari 7 hari bekerja sebelum tarikh perjalanan.
6. Penggunaan *travel agent*, *event manager* atau pihak lain adalah tidak dibenarkan untuk menguruskan makan dan penginapan murid/atlet/pelajar serta pengiring di luar negara.
7. Penetapan kadar kelayakan makan dan penginapan bagi **murid/atlet/pelajar dari luar negara** yang menyertai aktiviti kurikulum, kokurikulum dan sukan yang dianjurkan oleh KPM hendaklah mendapatkan Kelulusan Khas Perbendaharaan Malaysia.

8. Permohonan kelulusan khas tersebut hendaklah dikemukakan melalui Bahagian Kewangan, KPM untuk semakan dan perakuan kepada Perbendaharaan Malaysia. Maklumat/dokumen berikut hendaklah disertakan bersama-sama permohonan:
- i. Tarikh, masa, tempat dan bilangan peserta yang terlibat;
 - ii. Senarai nama peserta, negara asal dan umur; dan
 - iii. Lain-lain dokumen yang berkaitan.

TIKET PENERBANGAN

9. Permohonan kelulusan perolehan tiket penerbangan untuk murid/atlet /pelajar ke lokasi pelaksanaan aktiviti kurikulum, kokurikulum dan sukan di dalam atau luar negara hendaklah dikemukakan ke Bahagian Kewangan, KPM untuk kelulusan **14 hari sebelum tarikh pelaksanaan** aktiviti-aktiviti tersebut.
10. Pembelian tiket penerbangan perlu menggunakan **Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)** dan kelas penerbangan yang ditetapkan untuk murid/atlet/pelajar adalah **Kelas Ekonomi** sahaja.
11. Pembayaran tiket penerbangan untuk perjalanan murid/atlet/pelajar hendaklah dibuat secara pukal di bawah OS 42000 (Pemberian Dalam Negeri).

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. Ketua Jabatan hendaklah memastikan peruntukan kewangan adalah mencukupi dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya. Kegagalan dan ketidakpatuhan kepada peraturan seperti ditetapkan boleh menyebabkan tindakan surcaj atau tatatertib atau kedua-duanya sekali dikenakan ke atas Ketua Jabatan.

KELULUSAN KHAS

13. Sebarang pengecualian daripada peraturan yang telah ditetapkan melalui SPK ini hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal atau Perbendaharaan Malaysia melalui Bahagian Kewangan, KPM.

TARIKH KUATKUASA

14. SPK ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

15. Dengan berkuatkuasanya SPK ini, maka peraturan-peraturan berikut adalah dibatalkan :
- i. Surat Edaran BKew, KPM bil : KP.1574/40/Jld.33(42) bertarikh 18 Oktober 2005;
 - ii. Memo BKew, KPM bil : KP.(BKEW)(PK)1574/40/B/35(3) bertarikh 28 Ogos 2007; dan
 - iii. Para 29, SPK Bil. 11 Tahun 2008 : Permohonan Penyediaan Kemudahan Pakej Penginapan dan Makan bagi Tugas Rasmi di bawah KPM.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS”**



(DATO' DR. ROSLI BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k :

KPPM
Semua TKSU
Semua TKPPM
SUB (Audit Dalam)
SUB (Audit Sekolah)
Ketua Akauntan Negara
Pengarah Jabatan Akauntan Negeri